

PROGRAM SYMBIOSIS UniMAP-NCIA-MTDC

(peluang untuk menjadi usahawan, dan mengasaskan sebuah syarikat)

UniMAP, NCIA dan MTDC akan melaksanakan Program Symbiosis di mana program ini adalah suatu program pembangunan usahawan siswazah yang menjalankan aktiviti-aktiviti pengkomersilan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) universiti. Melalui program ini, peserta akan diberi peluang untuk menubuhkan syarikat yang akan menjalankan aktiviti pengkomersilan dan akan diberi sokongan terperinci dan menyeluruh.

Program ini telah dijalankan di beberapa institut dan universiti seperti, Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM)

Sehubungan dengan itu, pihak MTDC dan NCIA akan bekerjasama dengan UniMAP untuk menjayakan Program Symbiosis yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Kerjasama daripada pihak UniMAP adalah di dalam penyediaan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) UniMAP yang telah sedia untuk dikomersilkan dan juga di dalam pengambilan peserta untuk program tersebut.

Pelaksanaan keseluruhan Program Symbiosis ini mengambil tempoh 1 tahun. Pada akhir tempoh program, seramai 20 orang siswazah terpilih akan menerajui syarikat yang akan menjalankan aktiviti pengkomersilan dan perniagaan. Syarikat-syarikat ini akan dibiayai oleh pihak MTDC untuk menjalankan aktiviti perniagaan sebagai persediaan untuk menjadi usahawan yang berjaya, yang berasaskan teknologi.

OBJEKTIF PROGRAM SYMBIOSIS UniMAP-NCIA-MTDC

- ❑ Objektif program ini adalah seperti berikut:
 - Menggalakkan aktiviti pengkomersilan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D);
 - Menambah bilangan syarikat terbitan universiti (STU) dan 'start-up' berasaskan teknologi;
 - Memperlengkapkan graduan dengan kemahiran keusahawanan; dan
 - Menyediakan peluang kepada graduan mengusahakan perniagaan di dalam industri berasaskan teknologi.

KRITERIA PESERTA PROGRAM SYMBIOSIS UniMAP-NCIA-MTDC

- ❑ Kriteria peserta adalah seperti berikut:
 - Pelajar tahun akhir UniMAP atau,
 - Alumni UniMAP
 - Berminat untuk menjadi usahawan perniagaan di dalam industri berasaskan teknologi.
 - Bersedia untuk diberi bimbingan dan komited dengan aktiviti program
 - Lulus tapisan temuduga dan penilaian yang akan dijalankan oleh pihak penganjur

TAKLIMAT PROGRAM SYMBIOSIS UniMAP-NCIA-MTDC

- ❑ Taklimat program ini akan diadakan seperti butiran berikut:
 - Tarikh: 15 April 2013 (Isnin)
 - Masa: 3.00 petang – 5.00 petang
 - Tempat: Dewan Kuliah 2, Kampus UniMAP Pauh Putra